



KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

PEJABAT KETUA PENDAFTAR MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA (PKPMP)

Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat tempatan yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dalam pengkhususan seperti dibawah bagi menyertai tender berikut:

BIL	NO. / TAJUK TENDER	KELAS PENDAFTARAN	TARIKH PELAWA SEBUT HARGA	TARIKH, MASA DAN TEMPAT LAWATAN TAPAK / TAKLIMAT	TARIKH, MASA DAN TEMPAT TUTUP PELAWAAN
1.	MSAS/400-5/7/T-13/2025 KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN DAN BAIKPULIH TANDAS KAKITANGAN DI KOMPLEKS MAHKAMAH ALOR SETAR, KEDAH DARUL AMAN	Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) Gred G2 Kategori CE, Pengkhususan CE21 (Berdaftar di Kedah sahaja)	28/05/2025 - Rabu	04/06/2025 - Rabu Pendaftaran : 10.00 – 10.30 pagi Taklimat 10.30 pagi (DIWAJIBKAN) Bertempat di: Mahkamah Alor Setar	12/06/2025 - Khamis 12.00 tengahari Bertempat di: Pentadbiran, Kompleks Mahkamah Alor Setar, Jalan Suka Menanti 05150 Alor Setar Kedah

1. Penyebut harga adalah **DIWAJIBKAN** menyertai lawatan tapak / taklimat yang akan diadakan pada **04/06/2025 (Rabu)** bertempat di **Kompleks Mahkamah Alor Setar, Kedah**. Penyebut harga yang tidak menghadiri lawatan tapak dan taklimat **TIDAK LAYAK** untuk menyertai Sebutharga. Paparan iklan boleh dilihat di **Papan Kenyataan Kompleks Mahkamah Alor Setar** pada **28/05/2025 (Rabu)** jam **12.00 tengahari**.

2. Individu yang menghadiri lawatan tapak / taklimat **hendaklah** terdiri daripada **penama** sahaja sepertimana tercatat didalam Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK), PUKONSA, UPKJ atau bagi pembekal yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan hanya **penama** di Sijil Akaan Pendaftaran Syarikat sahaja. **Wakil syarikat** dibenarkan hadir dengan bawa bersama Surat Perwakilan Kuasa yang ditandatangani oleh Pengarah syarikat.

3. Penyebut harga adalah **DIWAJIBKAN** menghadiri lawatan tapak / taklimat dengan membawa bersama **Cop Syarikat, Sijil Asal dan Salinan CIDB**. Kegagalan Penyebut harga menghadiri lawatan tapak / taklimat tersebut boleh mengakibatkan Cadangan Penyebut harga tidak layak dipertimbangkan dan akan **DITOLAK. KELEWATAN** Penyebut harga menghadiri lawatan tapak / taklimat juga boleh menyebabkan Penyebut harga **GAGAL** menyertai Sebutharga. Penyebut harga hendaklah berdaftar dalam gred yang dinyatakan di atas dengan CIDB dan sijil tersebut masih dalam tempoh sah laku.

4. Dokumen Sebutharga **ASAL** yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar dalam sampul surat berlakri dengan mencatatkan **Tajuk dan No. Sebutharga** pada sebelah atas kiri sampul dan dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga **pada atau sebelum 12/06/2025 (Khamis)** jam 12.00 tengahari, di alamat:

Kompleks Mahkamah Alor Setar
Jalan Suka Menanti
05150 Alor Setar Kedah.

5. Penyebut harga yang lewat menghantar Dokumen Sebutharga **ASAL** seperti mana arahan Sebutharga tidak akan dipertimbangkan.

6. Kerajaan Malaysia tidak terikat untuk menerima Sebutharga dengan harga yang terendah atau mana-mana Sebutharga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu Sebutharga. Keputusan Lembaga Perolehan Sebutharga adalah muktamad.

7. Sebarang pertanyaan boleh menghubungi talian 04-7352900 ext 145 (Encik Azrul) atau ext 212 (Puan Dayana).